

13 Julai 2017

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang berkepentingan,

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Audit Persijilan MSPO Bagi TDM Plantation Sdn Bhd – Kilang Kelapa Sawit Kemaman dan ladang-ladang, Kemaman, Terengganu, Malaysia

TDM Plantation Sdn Bhd telah melantik BSI untuk melaksanakan audit pensijilan MSPO untuk Kilang Kelapa Sawit Kemaman dan ladang-ladangnya. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 1 kilang kelapa sawit dan 6 ladang kelapa sawit yang diuruskan oleh syarikat berkenaan. Kilang kelapa sawit tersebut terletak di Kemaman, Terengganu, Malaysia

BSI merancang untuk melakukan audit pensijilan Kilang Kelapa Sawit Kemaman pada 15 - 17 Ogos 2017. Audit pensijilan akan diadakan menurut MSPO MS 2530-3:2013 – *General principles for oil palm plantations and organized smallholders* & MS 2530-4:2013 – *General principles for palm oil mills*. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian Standard MS 2530:2013 Malaysia.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Kilang Kelapa Sawit Sungai Tong dan ladang-ladang	
Nama unit pengurusan	Ladang Kelapa Sawit Kemaman
Alamat lokasi	KM 121, Jerangau – Jabor Highway 24101 Kemaman, Terengganu, Malaysia
Ladang	Tebak, Pelantoh, Jernih, Air Putih, Gajah Mati and Majlis Agama Islam
Jumlah kawasan ladang kelapa sawit yang akan diaudit	18,853.14 ha
Standard yang digunakan	MS 2530-3:2013 & MS 2530-4:2013 boleh dibeli secara atas talian di (http://www.msonline.gov.my/catalog.php)

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 60,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSI adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit penilaian utama di Kilang Kelapa Sawit Kemaman dan ladang-ladangnya terdiri daripada:

Mr Hoo Boon Han sebagai Ketua Juruaudit (Amalan Pertanian Terbaik di Ladang, Aspek Undang-Undang, Biodiversiti, Sosial dan temuduga stakeholder dalaman dan luaran) **En. Mohamed Hidhir Zainal Abidin** sebagai Juruaudit (GHG, Aspek Keselamatan & Kesihatan Pekerja, Aspek Undang-undang, Alam Sekitar & Sosial)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Komitmen dan tanggungjawab pihak pengurusan
- Ketelusan
- Pematuhan kepada undang-undang
- Tanggungjawab sosial, kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Pemeliharaan alam sekitar, sumber asli, kepelbagaian bio dan ekosistem
- Amalan pertanian baik
- Pembangunan untuk penanaman pokok sawit baru

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:
Alamat:
Email:
Nombor Telefon:
Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengurus Operasi

En. Nicholas Cheong
BSI Services Malaysia Sdn Bhd
Unit 10-03, Level 10, Tower A
The Vertical Business Suites
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur Malaysia
Fax : +603-2242 4218
Email : Nicholas.Cheong@bsigroup.com

DAN/ATAU

Auditee:

En Ahmad Zaki Muda
Head, Risk and Compliance Department
TDM Berhad
Level 3, Bangunan UMNO Terengganu
Lot 3224, Jalan Masjid Abidin
20100 Kuala Terengganu, Terengganu
Fax : +609-620 4803
Email : zaki.muda@tdmberhad.com.my

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....
Nicholas Cheong
Pengurus Operasi